

→ TEKNOLOGI

UPM agih 1,000 E-Cutter kepada peneroka FELDA

→ Inovasi memudahkan kerja seharian, realisasikan hasrat Kementerian

Oleh Faris Fuad
faris.fuad@bh.com.my

► Hulu Selangor

Universiti Putra Malaysia (UPM) akan mengagihkan 1,000 unit mesin pencantas kelapa sawit elektrik dikenali sebagai E-Cutter kepada peneroka FELDA terpilih di seluruh negara secara berperingkat.

Langkah itu sebagai usaha merealisasikan hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi bagi memper-

kasakan Penyelidikan Transnasional, sekali gus menambah nilai kepada kehidupan seharian peneroka terbabit.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata E-Cutter bersifat ringan, jimat tenaga, mesra alam, selain mampu memetik serta mencantas pelepah sawit pada ketinggian 10 meter.

Katanya, ia sekali gus menjimatkan masa peladang yang kebiasaannya menggunakan alat mekanikal atau pendekatan manual untuk menuai buah kelapa sawit.



Idris (tengah) bersama penerima E-Cutter yang disumbangkan UPM di FELDA Sungai Tengi Selatan, Kuala Kubu Bharu. Yang turut hadir, Kamalanathan, Dr Mary Yap dan Dr Aini Ideris.

Mudahkan kerja peladang

“E-Cutter menggunakan gabungan konsep kuasa elektrik dan mekanikal bagi menggerakkan alat pemotong berupa sabit, yang dipasang pada hujung galah.

“Ia dibangunkan melalui sistem yang menggabungkan generator elektrik dan motor yang mempunyai ketumpatan kuasa tinggi.

“Inovasi E-Cutter UPM ini juga adalah bukti bahawa hasil penyelidikan mampu dimanifestasikan dalam menyelesaikan masalah dan memudahkan kerja pelada-

ngan terutama dalam industri kelapa sawit. Inovasi UPM ini mampu diterjemahkan demi manfaat rakyat,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Program Penyelidikan Transnasional (E-Cutter), UPM bersama FELDA Zon Hulu Selangor, di sini semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Dr Mary Yap Kain Ching; Timbalan Menteri Pendidikan 1, Datuk P Kamalanathan; Naib Canselor UPM, Prof Dr Aini Ideris dan Timbalan

Pengarah Besar (Pembangunan Komuniti) FELDA, Anuar Malek.

Sementara itu, Kamalanathan yang juga Ahli Parlimen Hulu Selangor, berkata UPM turut menyebarkan produk Kit Kita Bijak Wang kepada 11 sekolah di kawasan FELDA, di sini.

Katanya, kit pendidikan komprehensif itu mengandungi enam unit asas pendidikan kewangan iaitu mari kenal wang, matlamat kewangan, keperluan dan kehendak, simpanan, belanja dan bajet serta konsep asas perbankan Islam.

[FOTO FARIZ ISWADI ISMAIL/BH]